

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, 4 April, 2019 2:13 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Manfaatkan Teknologi, Beri Pengalaman Pembelajaran Terbaik



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

04 APRIL 2019 / 28 REJAB 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

MANFAATKAN TEKNOLOGI, BERI PENGALAMAN PEMBELAJARAN TERBAIK



UUM ONLINE: Prof. Dr. Abd. Karim Alias bijak menggunakan internet dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) dengan membangunkan portal pengajaran, laman web, kursus dalam talian dan blog.

Sehingga 3 oktober 2018, video pengajarannya di saluran Youtube telah menerima 510,956 tontonan dari lebih 200 buah negara membabitkan 1,782 pelanggan.

Pengarah Pusat Pembangunan Dan Kecemerlangan Akademik dari Universiti Sains Malaysia (USM) itu berkongsi pengalamannya pada *Masterclass Series For Academic Leaders: Understanding Future Ready Curriculum And Developing Digital Leadership In IR 4.0* di EDC Hotels & Resorts.

Ketika menyampaikan tajuk *Developing Digital Leadership By Experiencing A Digital Classroom*, beliau berkata, seiring dengan perkembangan Revolusi Industri Keempat (IR 4.0) pensyarah perlu berubah dan memanfaatkan internet untuk memberi pengalaman pembelajaran terbaik kepada pelajar.

“Penggunaan ICT misalnya simulasi *digital classroom* memberi *mood* dalam memahami IR4.0 yang berpotensi besar untuk memantapkan lagi PdP bagi mengoptimumkan potensi pelajar dalam penguasaan kemahiran abad ke-21.

“Terdapat lebih 300 aplikasi yang dibangunkan dan saya baru menggunakan 10 dalam kuliah saya, jadi apa alasan untuk tidak berubah? Semuanya ada kaitan dengan internet misalnya *Internet of Things, Blockchain, Big Data, Data Analysis dan Artificial Intelligence*,” katanya.

Menurut beliau lagi, institusi pendidikan harus bersedia untuk menerima dan mengadaptasikan teknologi pembelajaran digital yang sesuai bagi memberikan pengalaman pembelajaran terbaik kepada para pelajar.

“Kaedah menayangkan *slide* dan bercakap selama sejam boleh ditukar kepada pembelajaran digital yang lebih menyeronokkan kerana segalanya telah berubah.

“Bermula dengan kepimpinan akademik terlebih dahulu yang perlu memahami pelbagai strategi pembelajaran digital yang ada dan bagaimana untuk memanfaatkannya dalam reka bentuk dan penyampaian kurikulum,” tambahnya.

Ujarnya, pendekatan teknologi dalam pedagogi PdP harus dimanfaatkan sepenuhnya supaya lebih fleksibel dan bersedia mengharungi cabaran baharu.

Beliau merupakan profesor dalam bidang teknologi makanan di School Of Industrial Technology dan pernah menerima Anugerah Akademik Negara (AAN) pada 2008 serta *Malaysia's Rising Star 2015 Award*, selain diiktiraf sebagai *Top 50 Educators* di Asia Pasifik (2015).

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali berkata, IR4.0 yang rancak berlaku di seluruh dunia memerlukan semua pihak bertindak pantas seiring dengan pembangunan pesat teknologi.

“Semuanya berubah dengan pantas, sejauh mana keberanian kita untuk menggunakan media sosial dalam PdP itulah cabaran pada zaman sekarang.

“Terima kasih dan tahniah kepada Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC) kerana menganjurkan program sebegini dan semoga semua pihak mendapat manfaat daripada penganjuran program ini,” katanya.

Beliau turut mengaluakan Prof. Sr. Ir. Dr. Suhaimi Abdul Talib dan Prof. Dr. Abd Karim Alias ke UUM yang sudi berkongsi ilmu, kepakaran dan pengalaman bersama warga kampus.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.